

# **Pengetahuan Ibu bapa Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak**

## **Parents Knowledge Regarding Pedophilia Against Children**

Siti Aishah Mohd Yusof  
Nur Saadah Mohamad Aun

Program Kerja Sosial  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Siti Aishah Mohd Yusof (sitiaishahyusof244@gmail.com)

### **ABSTRAK**

*Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak boleh ditakrifkan sebagai seseorang individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Kanak-kanak sering menjadi mangsa penderaan termasuk pedofilia kerana sikap naif yang ada pada mereka. Justeru, pengetahuan ibu bapa dianggap begitu penting terutama berkenaan penyalahgunaan kanak-kanak untuk tujuan seksual seperti pedofilia. Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan profil ibu bapa mengenai pengetahuan mereka berkenaan pedofilia. Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik temu bual separa struktur. Seramai tujuh orang informan yang terdiri daripada ibu bapa yang tinggal di kawasan Pekan Dengkil telah ditemu bual. Data bagi kajian ini dianalisis meliputi aspek profil responden dan pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengetahuan ibu bapa masih lagi kurang berdasarkan kepada pemahaman mereka mengenai istilah, kewujudan kes dan umur sasaran mangsa pedofilia. Hasil kajian juga menyatakan bahawa umur bagi mangsa pedofilia ini diperoleh berdasarkan pendapat dan pengalaman informan dalam mengikuti perkembangan kes pedofilia yang pernah dilaporkan di kaca televisyen, akhbar mahupun internet. Majoriti daripada informan berpendapat bahawa kanak-kanak di peringkat sekolah rendah sememangnya merupakan individu yang berpotensi tinggi menjadi mangsa berbanding individu dewasa disebabkan faktor kenaikan serta kurangnya pengetahuan. Sehubungan itu, kepekaan dari segi pengetahuan ibu bapa amat penting bagi menjamin keselamatan kanak-kanak.*

**Kata kunci :** Pengetahuan, Profil, Ibu bapa, Kanak-kanak, Pedofilia

### **ABSTRACT**

*Under The Children Act 2001, a child is defined as an individual who is 18 years old and younger. Children are often being a victims of abuse, including pedophilia as they are borned naive. Thus, the knowledge of parents is very important, especially in respect of abuse of children for sexual purposes such as pedophilia. Research are conducted to obtain the profile of parents about their knowledge regarding pedophilia. The research design used is qualitative by using semi-structured interviews. Seven informants which is parents who live in Dengkil town were interviewed. The data were analyzed including the profiles and knowledge regarding pedophilia parents against children. The results showed that the lack of knowledge among parents based on their response in understanding of the term, the existence of cases of pedophilia and the age of the target victims. This study also stated that the age of the*

---

*victims are obtained based on their opinions and experiences in following up cases of pedophilia that have been reported on television, newspapers or the internet. The majority of the informants thought that children in primary schools have always been a high-potential individuals as a victim than adults due to their naïve attitude and lack of knowledge. Accordingly, the sensitivity in terms of the knowledge owned by the parents is very essential in order to ensure the safety of children.*

**Keywords :**Knowledge, Profile, Parents, Children, Pedophilia

## 1. Pengenalan

Berdasarkan Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak boleh ditakrifkan sebagai seseorang individu yang berumur 18 tahun ke bawah. Maka, pada fasa ini dikatakan pendidikan dianggap begitu penting dalam mencorak masa depan kanak-kanak kerana fasa ini merupakan fasa di mana mereka ingin meneroka dan mempunyai sikap ingin tahu yang tinggi. Tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelbagai kes, kanak-kanak sering menjadi mangsa kerana sikap naif yang ada pada mereka. Justeru itu, pengetahuan ibu bapa dianggap begitu penting terutama berkenaan penyalahgunaan kanak-kanak untuk tujuan seksual seperti pedofilia. Hal ini kerana, kanak-kanak sering menyalah anggap akan makna kasih sayang yang ditunjukkan oleh golongan dewasa kepada mereka dan kesempatan ini digunakan oleh segelintir pihak dalam mengeksplorasi makna kasih sayang sehingga berlakunya jenayah seperti pedofilia.

Wadah yang dilaungkan acap kali oleh kerajaan dimana “kanak-kanak merupakan permata negara” harus diteliti dari segenap aspek supaya kesedaran masyarakat dapat dipupuk demi kebaikan kanak-kanak itu sendiri. Meskipun isu ini kadangkala dianggap remeh dan tidak dibahaskan secara meluas, namun kita tidak harus memandang enteng kerana ianya mampu merosakkan permata yang dimiliki kerana mereka merupakan generasi pewaris Negara kelak. Pengetahuan ibu bapa merupakan satu medium yang begitu penting dalam usaha untuk memahami apa itu pedofilia secara mendalam.

Oleh hal yang demikian, pengetahuan ibu bapa berkenaan isu ini dilihat sebagai suatu keperluan kerana ianya mempunyai kaitan rapat dengan masa depan kanak-kanak. Mengikut peratusan rakyat Jerman, 8.6% daripada wanita dewasa dan 2.8% lelaki dewasa dilaporkan pernah menjadi mangsa kepada pesalah pedofilia semasa kecil. Ini telah menjelaskan pengalaman tumbesaran bagi kanak-kanak dan akan mendatangkan kesan ketika mencecah umur dewasa. Menurut kriteria diagnostik di dalam DSM-V, pengalaman pedofilia kanak-kanak semasa proses tumbesaran akan menyebabkan tarikan seksual yang berterusan kepada kanak-kanak dan sama ada akan membuatkan mereka bertindak kearah tindakan yang menjurus kepada obsesi seksual ataupun mereka akan mengalami masalah terhadap perilaku seksual.

Bukan itu sahaja, malah menurut Dr. Ray Blanchard, seorang Profesor di University of Toronto, pedofilia ini merupakan satu gangguan jiwa yang terjadi kepada orang dewasa atau remaja yang mempunyai keinginan seksual primer iaitu keinginan seksual utama atau eksklusif kepada kanak-kanak yang belum matang yang berusia 13 tahun ke bawah. Meskipun menurut American Psychiatric Association (APA), pedofilia telah dikelaskan ke dalam *Diagnostic and Statistic Manual of Mental Disorders* sejak tahun 1968, namun sehingga pesakit pedofilia dirawat kita tetap harus sentiasa berwaspada terhadap keselamatan kanak-kanak yang mungkin menjadi mangsa kepada jenayah ini.

Seterusnya, kita dikejutkan lagi dengan fakta yang dikeluarkan oleh statistik ibu pejabat polis Bukit Aman dimana terdapat sebanyak 4,998 kes individu yang hilang pada tahun 2013 dan hanya 2,382 orang sahaja yang berjaya ditemui semula dimana 45 peratus daripada bilangan

tersebut merupakan kanak-kanak. Tidak cukup dengan itu, kita diingatkan kembali kes pada 2007, yang menyentuh jiwa seluruh rakyat Malaysia tentang kisah adik Nurin Jazlin yang ditemui maut dalam keadaan yang menyayat hati. Bedah siasat mayat manga mendapati bahawa pembunuh telah memasukkan timun dan terung ke dalam kemaluan mangsa, menyebabkan rektum mangsa pecah hingga dijangkiti bakteria dan membawa maut kepada mangsa.

Bukan sahaja orang ramai dan kerajaan, malah ibu bapa adalah sasaran utama yang disarankan untuk lebih peka dalam memerhatikan kanak-kanak malah adalah lebih penting untuk ibu bapa mendapatkan pengetahuan berkenaan isu ini supaya tiada isu terlepas pandang terutama jika kejadian seperti ini terjadi kepada anak-anak mereka. Secara umumnya, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. Manakala, objektif khusus bagi kajian ini ialah :

- i. Mengenalpasti profil ibu bapa yang mempunyai anak bawah 13 tahun di kawasan Dengkil.
- ii. Meneroka pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 *Kanak-kanak dan Pedofilia*

Istilah berkenaan pedofilia sangat meluas dibincangkan meskipun majoriti pihak masih lagi hanya mengenali makna pencabulan tanpa mengetahui apa itu pedofilia meskipun kedua-duanya berkongsi ciri-ciri yang hampir sama. Walaupun begitu, isu ini tidaklah dikatakan terlalu asing untuk dibincangkan terutama diperingkat dunia, namun dapat dilihat bahawa kajian dan perbincangan sedia ada adalah begitu kurang berkenaan aspek yang menjurus kearah pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia. Apa yang sering diingatkan adalah ibu bapa harus berjaga-jaga terhadap kemungkinan anak mereka menjadi mangsa pedofilia tanpa disedari namun isu pengetahuan ini masih cetek dalam kalangan ibu bapa.

Menurut kajian Feelgood dan Hoyer (2008), mereka membandingkan perbezaan yang terdapat antara pedofilia dan pencabulan terhadap kanak-kanak melalui aspek *sociolegal* atau faktor-faktor penyumbang yang terdiri daripada persekitaran kanak-kanak seperti sosial, ekonomi, sejarah dan politik serta perkaitannya dengan jenis permasalahan psikologi atau gangguan mental seseorang individu. Melalui kajian ini, mereka dapat menjelaskan perbezaan yang berkait rapat antara kedua-dua aspek yang dikaji. Pedofilia dan pencabulan adalah dua benda yang tidak dapat dipisahkan meskipun mempunyai intipati yang berbeza dari aspek pelaksanaan salah laku tersebut terhadap kanak-kanak (Hoyer et al. (1999); Hoyer, Kunst & Schmidt (2001) dan Leue, Borchard & Hoyer (2004)).

Seterusnya, pengetahuan pedofilia juga mengaitkan bahawa permasalahan dan simptom biologi individu yang melakukan pedofilia tidak dapat dikenalpasti secara fizikal melainkan pengakuan sendiri oleh pelaku pedofilia selain dibantu oleh pengetahuan dan maklumat individu sekeliling (Mutanski, Chivers, & Bailey, 2002; Wilson & Rahman, 2005). Maklumat ini jelas menyokong serta memberi perkaitan bahawa kepentingan ibu bapa dalam mendapatkan pengetahuan tambahan berkenaan pedofilia sangat membantu terhadap keselamatan kanak-kanak.

Menurut Drescher dan Zucker (2006), pedofilia juga sebenarnya digolongkan dalam kelompok orientasi seksual meskipun menurut definisi di dalam DSM-V menyatakan bahawa pedofilia bukan sahaja terjadi apabila individu melakukan tingkah laku ransangan seksual

terhadap kanak-kanak akan tetapi perbuatan menyimpan, membayangkan serta khayalan terhadap seksual bersama kanak-kanak turut disebut sebagai pedofilia. Justeru itu, menurut mereka setiap kanak-kanak tidak terlepas daripada menjadi mangsa dalam diam bagi si pelaku pedofilia.

Bukan itu sahaja, malah menurut Seto (2012) di dalam kajiannya, beliau meneliti berkenaan pedofilia sebagai salah satu ransangan seksual yang normal bagi individu lelaki bersesuaian dengan peningkatan tahap umur individu tersebut terhadap kanak-kanak ataupun ianya merupakan tingkahlaku orientasi seksual yang memberi implikasi terhadap perkembangan mangsa (kanak-kanak). Menurut Seto lagi, kajian beliau jelas memberi fokus terhadap mengenali pemangsa pedofilia dalam kalangan individu lelaki berbanding wanita kerana pelbagai kajian jelas menunjukkan perbezaan yang nyata yang diwakili oleh kedua-dua jantina ini.

## 2.2 *Pengetahuan*

Menurut Bell (2007), fokus kajian diberikan terhadap ibu bapa yang harus berhati-hati terhadap kes pedofilia dan pencabulan kanak-kanak di sekeliling. Bell turut menyatakan di dalam kajiannya bahawa majoriti kanak-kanak tidak mungkin terkecuali dari menjadi mangsa pedofilia dan pencabulan, dimana dapat dikenal pasti bahawa berpunca daripada pengetahuan dan maklumat ibu bapa yang kurang sehingga kejadian atau kes tersebut berlaku kepada individu yang paling hampir dengan mereka sendiri. Di dalam kajian ini, Bell meneroka ibu bapa sebagai salah satu fokus individu yang berkait rapat dengan peristiwa-peristiwa pencabulan dan pedofilia yang berlaku dan dianggap sebagai krisis bagi kanak-kanak. Beliau turut menyatakan kerajaan sebenarnya berperanan dalam memberi kesedaran dan pengetahuan buat semua terutama melalui program dan kempen kerajaan mampu membuka mata golongan ibu bapa.

Selain itu, menurut kajian McCartan (t.th), beliau mengkaji kedudukan teori dan perkaitannya dengan masyarakat moden berkenaan isu pedofilia yang berlaku. Beberapa aspek diteroka dalam menghubungkaitkan isu pedofilia dalam masyarakat moden di United Kingdom. Pengetahuan dan kesedaran ibu bapa turut disebut di dalam sebagai salah satu fungsi penting yang mempunyai kaitan terhadap pemahaman semasa berkenaan pedofilia dan krisis yang berhasil dalam masyarakat moden.

Seterusnya, Robinson (t.th) membincangkan peranan ibu bapa untuk terus berwaspada dalam memastikan keselamatan kanak-kanak dari pemangsa yang mungkin dikenali oleh kanak-kanak itu sendiri. Robinson memberi penekanan bahawa kanak-kanak harus dilengkapi dengan semua jenis pengetahuan daripada ibu bapa itu sendiri selain daripada pendidikan formal seawal diperingkat tadika. Menurut beliau, kanak-kanak harus diajar untuk lebih bijak mengawal situasi dengan meminta pertolongan daripada individu di sekitar mereka sekiranya mereka merasa terancam.

Bukan sahaja memahami istilah pedofilia oleh masyarakat itu dilihat penting semata-mata, namun menurut Rohaty (2003), peranan keterlibatan ibu bapa dalam proses memberi pendidikan awal terhadap kanak-kanak termasuk aspek kawalan dan pembentukan tingkahlaku amatlah penting bagi membentuk konsep kendiri anak-anak mereka. Konsep kendiri merupakan keseluruhan persepsi keseluruhan seseorang terhadap dirinya sendiri sama ada berbentuk deskriptif ataupun penilaian secara kognitif. Salah satu daripada kesan konsep kendiri adalah apabila kanak-kanak berupaya membina daya tindak sendiri untuk memastikan mereka selamat daripada eksploitasi yang wujud dari dunia sekeliling. Tinggi atau rendahnya keupayaan mereka

adalah bergantung kepada positif atau negatifnya tanggapan konsep kendiri seseorang terhadap keupayaan diri mereka sendiri (Ishak, 2004).

Justeru itu, tidak asing lagi bahawa pengetahuan ibu bapa itu sendiri dianggap satu medium penting dalam membina ketahanan dan keupayaan kanak-kanak untuk memastikan mereka lebih selamat dalam berhadapan dengan individu di sekeliling mereka (Henderson & Mapp 2000). Mengikut Shaverand dan Walls (1998) dan Epstein (2001), penglibatan ibu bapa bukan sahaja hanya di sekolah malahan ibu bapa perlu melibatkan diri dalam pendidikan awal kanak-kanak di rumah.

### 3. Metodologi

#### 3.1 *Reka Bentuk Kajian*

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif yang berbentuk temu bual yang melibatkan beberapa orang individu yang tinggal di kawasan Dengkil. Penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai kajian yang tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik. Sebagai contoh, Miles dan Huberman (1984), menghuraikan data kualitatif sebagai perkataan dan bukannya nombor manakala Strauss dan Corbin (1990), memandang pendekatan kualitatif sebagai sebarang penyelidikan yang menghasilkan penemuan yang tidak melalui prosedur statistik atau cara pengkuantitian yang lain.

Kajian ini tertumpu kepada hasil dapatan daripada temu bual. Kajian ini amat penting bagi memahami serta menelusuri sesuatu permasalahan atau isu dengan lebih mendalam (Creswell, 2007). Temu bual dalam kajian kualitatif diakui mempunyai banyak kelebihan dari segi kedalaman kajian yang dikaji (Silverman 2009). Kebanyakan kaedah dalam kajian yang berbentuk kualitatif ini memberikan keterangan, interpretasi, atau makna dalam sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini merupakan salah satu usaha bagi mendapatkan maklumat langsung daripada responden berkenaan pengetahuan ibu bapa berkenaan pedofilia terhadap kanak-kanak. Selain itu, kaedah temu bual ini juga mampu dirujuk sebagai triangulasi yang bertujuan untuk mengesahkan data atau maklumat yang diperoleh.

Kajian ini adalah berbentuk kajian kes dimana ianya satu kaedah tradisi bersifat bukan eksperimental dalam kajian sains sosial (Rozmi 2013). Teknik kajian kes ini dijalankan untuk sesuatu situasi yang khusus dan mampu mengumpulkan data yang kaya berbanding kaedah lain. Faktor ini menjadi salah satu kekuatan mengapa teknik kajian kes dipilih bagi kajian ini. Ini dirasakan sesuai kerana melalui teknik ini, kajian mendalam terhadap sesuatu kelompok dapat dilakukan. Tambahan pula, ia turut melibatkan pengumpulan data atau maklumat secara sistematik dan terperinci atau mendalam mengenai kajian yang dilakukan. Menurut Gall, Borg dan Gall (1998), semua fenomena boleh dikaji melalui kajian kes.

Bukan itu sahaja, malah menurut Merriem (1998) menyatakan kajian kes digunakan untuk meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek yang dikaji, memfokus kepada aspek proses berbanding hasil, mementingkan penemuan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan. Manakalan, menurut Yin (1995) pula teknik kajian kes adalah berkaitan dengan strategi penyelidikan yang menfokus kepada soalan ‘siapa’, ‘mengapa’ atau ‘apakah’. Ini bermakna kajian kes membolehkan penyelidikan yang menyeluruh atau holistik bagi mengetahui ciri-ciri dalam sesuatu peristiwa atau kehidupan sebenar.

Justeru itu, kajian kes instrumental telah digunakan bersesuaian bagi kajian ini. Ianya sesuai digunakan apabila pengkaji ingin mengetahui atau memahami teori atau masalah yang

berkaitan dengan teori atau tajuk kajian yang dilakukan. Kategori ini membantu pengkaji untuk mengumpul seberapa banyak mungkin maklumat berkaitan isu yang mempunyai kaitan rapat dengan teori kajian yang digunakan. Penjelasan teori bagi kajian kes yang dilakukan, data-data yang dikumpul mempunyai peranan sebagai data sokongan bagi memahami sesuatu teori atau konsep (Rozmi 2013).

### 3.2 *Kawasan kajian*

Kajian ini telah dijalankan di kawasan Dengkil. Lokasi ini dirasakan paling sesuai kerana terdapat banyak sekolah kebangsaan yang beroperasi di kawasan ini dimana umur bagi pelajar di sekolah tersebut merupakan dalam kalangan sasaran umur bagi kanak-kanak di dalam takrifan pedofilia iaitu di bawah umur 13 tahun. Justeru itu, adalah lebih mudah untuk mendapatkan ibu bapa pelajar tersebut sebagai responden kajian ini.

### 3.3 *Tata cara pengumpulan data*

Pengkaji akan pergi ke lokasi kajian yang telah ditetapkan bagi kajian ini untuk bertemu responden bagi mengumpul data bagi kajian. Pengkaji akan menggunakan kaedah temu bual terhadap responden yang telah ditetapkan berdasarkan sampel kajian yang dinyatakan iaitu ibu bapa yang mempunyai anak yang berumur 13 tahun ke bawah.

Pengkaji akan terlebih dahulu mendapatkan persetujuan termaklum responden bagi menetapkan sesi temu bual bersama responden. Seterusnya temu bual akan dijalankan setelah responden bersetuju untuk menjawab soalan-soalan yang akan dikemukakan berkenaan pengetahuan responden berkenaan pencegahan pedofilia terhadap kanak-kanak. Pengkaji akan menerangkan dengan jelas berkenaan sesi temu bual yang akan dijalankan serta etika yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak termasuk kerahsiaan maklumat yang bakal diberikan oleh responden. Responden juga akan dimaklumkan berkenaan rakaman yang akan dibuat sepanjang sesi temu bual berlangsung dan persetujuan harus dipenuhi oleh responden sebelum sesi temu bual dijalankan. Pengkaji tidak menetapkan sebarang had masa bagi sesi temu bual yang dijalankan.

Seterusnya, maklumat berkenaan fokus kajian juga diperolehi terlebih dahulu sebelum kajian dan soalan-soalan dihurai dengan lebih terperinci. Bahan-bahan tersebut merangkumi jurnal, artikel dan buku yang terdapat di Bilik Sumber, pusat pengajian, Perpustakaan Tun Sri Lanang serta melalui atas talian. Antara talian yang digunakan bagi mendapatkan rujukan ialah *Google Scholar, Research Gate, Scopus* dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi ini sangat membantu dalam menjalankan kajian.

Setelah soalan-soalan dibina bersesuaian dengan objektif kajian, perbincangan akan diadakan bersama penyelia untuk memastikan ketepatan soalan-soalan yang digunakan mampu menjawab objektif dan persoalan kajian. Penambahbaikan akan dilakukan hasil perbincangan bersama penyelia.

Selanjutnya, semasa temu bual berlangsung, pengkaji terlebih dahulu akan menerangkan fokus kajian yang ingin dijalankan supaya responden lebih memahami dan mampu menjawab soalan-soalan selari dengan apa yang diingini oleh kajian. Temu bual akan dirakam dan data tersebut akan dianalisis untuk difahami dengan lebih mendalam. Protokol-protokol kajian yang ditetapkan dipatuhi sepanjang sesi temu bual dijalankan.

### **3.4 Analisis data**

Analisis data merupakan satu proses penghuraian data secara lebih terperinci dan mendalam bagi mendapatkan hasil yang dingini bagi sesebuah kajian. Proses-proses penganalisaan data dipatuhi seperti penyusunan, pengkategorian data, pencarian tema serta pemahaman makna yang disampaikan oleh responden semasa sesi temu bual dijalankan.

Data akan dianalisis menggunakan teknik verbatim bagi menghasilkan transkripsi temu bual yang sebenar sebelum analisis data dilakukan dengan lebih lanjut. Hal ini kerana, terdapat responden yang berbeza-beza dan ianya mampu memberikan makna yang berbeza-beza daripada soalan yang dikemukakan. Setiap transkrip yang telah lengkap akan disemak terlebih dahulu sebelum pengkaji membahagikan transkrip tersebut kepada tema-tema tertentu berdasarkan analisis tematik hasil daripada temu bual.

Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai pada tahap ketepuan data berlaku. Tahap ketepuan (saturation point) data adalah keadaan di mana tidak terdapat tema baru muncul dan teori yang dihasilkan dari data yang diperolehi adalah sama. Apabila data didapati telah tepu, pengkaji menamatkan proses mengumpul data (Glesne & Peshkin 1992).

## **4. Dapatan dan Perbincangan**

### **4.1 Data Profil Responden**

Dalam kajian ini pengkaji telah melaksanakan kajian terhadap tujuh orang responden. Data profil berkenaan responden ini diperoleh berdasarkan temu bual yang telah dijalankan. Beberapa etika dipatuhi sepanjang menjalankan temu bual dan butiran maklumat temu bual serta rakaman tidak didedahkan melainkan hanya untuk tujuan kajian.

JADUAL 1 : Profil Responden

Responden	Jantina	Umur (tahun)	Status Perkahwinan	Bilangan Anak	Bilangan Anak (13 tahun ke bawah)
1	Perempuan	27	Berkahwin	2	2
2	Perempuan	33	Berkahwin	3	3
3	Lelaki	42	Berkahwin	4	3
4	Perempuan	35	Berkahwin	3	3
5	Lelaki	44	Berkahwin	5	3
6	Lelaki	35	Berkahwin	2	2
7	Perempuan	47	Janda	8	2

Berdasarkan Jadual 1, dapat dilihat bahawa jumlah responden perempuan yang telah ditemui bual adalah lebih ramai iaitu seramai empat orang berbanding kaum lelaki hanya tiga orang. Selain itu, rata-rata umur bagi responden yang telah ditemui bual ialah di dalam lingkungan 25 tahun ke atas sehingga lewat 40-an. Berdasarkan lingkungan umur yang diwakili oleh kesemua responden yang telah di temu bual, majoriti daripada mereka masih berkahwin dan hanya terdapat seorang sahaja responden dengan status janda.

Bagi aspek bilangan anak yang dimiliki oleh responden, rata-rata daripada mereka memiliki anak diantara dua hingga lima orang manakala terdapat seorang responden yang memiliki jumlah anak yang paling ramai iaitu seramai lapan orang keseluruhannya. Namun berdasarkan kesemua responden yang telah ditemui bual majoriti daripada mereka hanya memiliki dua hingga tiga orang sahaja anak yang berusia di bawah 13 tahun ke bawah.

#### **4.2 Pengetahuan Ibu Bapa Mengenai Pedofilia Di Malaysia**

##### ***Pengetahuan Mengenai Istilah Pedofilia***

Berdasarkan temu bual yang telah dilakukan bersama kesemua responden, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan responden mengenai istilah pedofilia adalah berbeza-beza. Terdapat responden yang tidak pernah mendengar sama sekali berkenaan pedofilia ini dan ketika temu bual dilakukan merupakan kali pertama responden mendengar istilah pedofilia tersebut. Namun, majoriti daripada responden pernah mendengar istilah pedofilia meskipun mereka tidak begitu arif mengenai makna disebalik istilah pedofilia berkenaan.

*“hurmm kalau cakap pasal pedofilia ni dekat Malaysia ni mungkin tak banyak la saya tau. Tapi istilah pedofilia ni memang saya pernah dengar dan tahu serba sedikit lah”*

(Responden 1)

*“Ok, ya. Memang saya tahu pedofilia. Sebab ianya merupakan satu istilah dan isu yang sering diguna pakai dan dibincangkan sekarang ni.”*

(Responden 3)

*“Haa, pengetahuan saya tentang pedofilia ini, ermm, tidak lah begitu mendalam. Tapi istilah pedofilia tu bukanlah suatu benda baru bagi saya.”*

(Responden 4)

*“Nak kata tahu terlampau banyak tu, mungkin ada juga lah yang saya terlepas pandang kot. Tapi istilah pedofilia ni memang dah jadi suatu isu atau perkara yang buat saya tertarik dan sudah semestinya saya tahu.”*

(Responden 5)

Mengikut temu bual yang telah dijalankan, pengkaji mendapati lebih daripada separuh daripada bilangan responden sememangnya mengetahui berkenaan istilah pedofilia yang sering digunakan pada masa kini. Terdapat empat daripada tujuh orang responden iaitu responden 1,3,4 dan 5 mengakui bahawa istilah pedofilia bukanlah suatu isu atau istilah yang baru di dengari tetapi merupakan suatu istilah yang biasa mereka dengari dan mereka sedia maklum berkenaan pedofilia ini.

Hal ini disokong oleh Teori Pembelajaran Sosial yang diperkenalkan oleh Albert Bandura dimana tingkah laku yang ditunjukkan oleh ibu bapa berdasarkan pengetahuan yang dimiliki mereka adalah dan secara langsung dapat menyumbang kepada pengalaman pembelajaran kanak-kanak. Hal ini seterusnya dapat merangsang kepada peningkatan pencapaian kanak-kanak dalam

proses pembesaran yang lebih sejahtera. Oleh hal yang demikian sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pengetahuan ibu bapa berkenaan istilah atau perkara asas berkenaan pedofilia ini adalah berkait rapat dengan langkah seterusnya yang dapat direncanakan oleh ibu bapa itu sendiri terhadap anak-anak.

Merujuk kepada teori Albert Bandura ini juga, sikap ibu bapa yang cenderung untuk mendapatkan pengetahuan berkenaan pedofilia demi kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak akan mendapat hasil timbal balik apabila kanak-kanak akan lebih selamat dan terhindar daripada perlakuan atau implikasi seksual kesan daripada menjadi mangsa pedofilia.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa meskipun terdapat sebahagian daripada empat orang responden ini mengakui bahawa pengetahuan berkenaan pedofilia agak terhad buat mereka namun mereka sedia maklum berkenaan istilah pedofilia mahupun maklumat ringkas berkenaan pedofilia ini.

Namun begitu, dua responden daripada tujuh orang responden ini mengakui bahawa istilah pedofilia merupakan suatu yang baharu buat mereka. Ianya merupakan suatu istilah yang cukup asing kerana responden mengakui bahawa beliau lebih memahami berkenaan pencabulan berbanding pedofilia. Terdapat juga responden yang tidak pernah sama sekali mengetahui mengenai kewujudan istilah pedofilia dan pertama kali mendengar istilah tersebut ketika sesi temu bual dijalankan. Ini dibuktikan melalui temu bual bersama responden 2 dan 6.

*“entah. Bagi saya perkataan tu cukup asing. Apa yang saya tau kalau pencabulan tu biasa dengar. Kalau terms pedofilia tu tak kot”*

(Responden 2)

*“Pedofilia? Maaflah. Saya memang tak pernah dengar perkataan atau istilah pedofilia. Ni pertama kali saya dengar.”*

(Responden 6)

Bukan itu sahaja, tidak dapat dinafikan terdapat juga responden iaitu responden 7 menyatakan bahawa beliau pernah mendengar berkenaan istilah pedofilia tetapi ianya tetap diakui menjadi salah satu istilah yang kabur buat beliau kerana ianya bukan merupakan suatu isu yang menjadi tumpuan buat responden.

*“Sebenarnya pasal pedofilia ni pun saya blur. Mungkin pernah dengar tetapi saya tidak ambil perhatian. Ya, istilah tu tak berapa saya tahu dan agak baru bagi saya bila nak ditemu bual ni.”*

(Responden 7)

Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa pengetahuan responden berkenaan isu atau istilah asas berkenaan pedofilia bukanlah suatu perkara asing buat mereka. Namun begitu, masih terdapat responden yang mengakui bahawa pengetahuan berkenaan istilah pedofilia ini bukanlah menjadi suatu topik tumpuan buat mereka. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berkenaan istilah ini tetapi tidak mempunyai maklumat lanjut berkenaan pedofilia. Perkara ini terjadi apabila responden sendiri mungkin tidak mempunyai sikap peka dan kesedaran dari dalam diri mereka berkenaan isu ini. Responden menganggap isu ini bukanlah suatu ancaman buat anak-anak mereka seperti yang dinyatakan oleh responden 1.

*“Ibarat macam ia wujud tapi belum terlalu menjadi ancaman dalam masyarakat kita lah.”*

(Responden 1)

### **Pengetahuan Berkenaan Kes Pedofilia**

Mengikut maklumat yang dianalisis daripada transkrip verbatim responden, terdapat tiga orang responden iaitu responden 3,4 dan 5 sememangnya mengetahui tentang kewujudan kes pedofilia

di Malaysia. Menurut responden yang telah ditemui bual mereka mengakui bahawa mereka mengikuti perkembangan kewujudan kes pedofilia di Malaysia disebabkan mereka merasakan pengetahuan merupakan suatu isu dan maklumat penting demi anak-anak mereka. Data ini selari dengan dapatan oleh Ellis dan Rohaty (2009), iaitu faedah penglibatan ibu bapa terhadap anak-anak dari aspek pengetahuan dianggap sangat besar bukan sahaja bagi kejayaan akademik tetapi turut menyokong aspek emosi, pendidikan awal kanak-kanak dari rumah serta keyakinan diri kanak-kanak. Ini menunjukkan dengan pengetahuan yang diperoleh oleh ibu bapa sememangnya memberi manfaat besar buat anak-anak mereka meliputi pelbagai aspek yang dapat ibu bapa lakukan bermula dari rumah. Peningkatan kes pedofilia yang sering dilaporkan secara meluas juga merupakan salah satu sebab penyumbang ke arah wujudnya pengetahuan mengenai kewujudan pedofilia yang diakui sendiri oleh responden.

*“So, di Malaysia ini saya memang mengetahui bahawa kewujudan pedofilia ni bukanlah suatu isu asing lagi kerana terdapat juga laporan sebanyak 4000 pada tahun 2013 berlaku kes kehilangan.”*

(Responden 3)

*“Tapi istilah pedofilia tu bukanlah suatu benda baru bagi saya apatah lagi mengenai kewujudannya di Malaysia. Sebab kes pedofilia ni sepanjang tahun sudah menjadi suatu isu yang tidak asing lagi untuk dilaporkan di media massa ke ape ke. Jadi mahu atau tidak saya memang tidak terlepas daripada mengikuti isu ini lah. (Gelak). Hurm, so saya memang aware tentang kewujudan pedofilia ni sebenarnya.”*

(Responden 4)

*“Oh, di Malaysia ya. Hurm, saya memang sedia maklum pasal kewujudan kes pedofilia yang dilaporkan di Malaysia ni. Semalam masa saya berborak dengan kawan saya pun dia ada cerita yang sebenarnya kes pedofilia ni dah banyak jadi di Malaysia.”*

(Responden 5)

Meskipun begitu, bukan semua responden mempunyai pengetahuan yang sama mahupun sedar akan kewujudan kes pedofilia di Malaysia. Hal ini kerana, berdasarkan daripada temu bual yang dijalankan bersama responden 2,6 dan 7, mereka mengakui bahawa mereka sendiri tidak menyedari wujudnya kes pedofilia di Malaysia kerana mereka masih beranggapan bahawa kes dan istilah ini dilihat suatu isu baru dan berkemungkinan ianya hanya berlaku di luar negara.

*“Tapi tak semua orang nak tau pasal pedofilia ni. Sebab selalunya pedofilia ni berlaku dekat luar negara je sebab terms yang guna ni pun terms yang pelik. Jadi saya pun bila dengar pedofilia, saya tak rasa kes ni wujud di Malaysia.”*

*“Saya pun rasa pelik lah pedofilia tu apa? Tak pernah dengar pun dekat Malaysia ni. Saya rasa mungkin kes pedofilia ni wujud di luar negara tapi bukan Malaysia kot.”*

(Responden 2)

*“Di Malaysia ya? Saya kurang pasti berkenaan kes pedofilia di Malaysia. Sama ke pedofilia dengan pencabulan? Yang saya tahu pencabulan banyak lah berlaku di Malaysia.”*

(Responden 6)

*“Malaysia ya. Hurm, kalau di Malaysia ni tak adalah banyak yang saya tahu. Sebenarnya pasal pedofilia ni pun saya blur.”*

*“Tapi kalau Aishah tanya saya, apa saya tahu pasal pedofilia dekat Malaysia ni. Belum pernah saya dengar lagi wujud kes pedofilia atau kanak-kanak ditangkap lepastu kena rogol. Mungkin mereka kena raba la ya. Tapi kalau kanak-kanak umur 11 ke atas tu mungkin lah kot dirogol tapi kalau bawah daripada tu saya rasa tak mungkin lah kot.”*

(Responden 7)

Namun begitu, hasil daripada temu bual mendapati bahawa responden 1 telah mengakui bahawa mereka menyedari akan kewujudan kes pedofilia yang dilaporkan di Malaysia namun ianya merupakan suatu isu baru yang tidak memberi ancaman kepada masyarakat sekeliling. Justeru itu, beliau menyedari bahawa secara peribadi beliau tidak memberi perhatian lebih untuk mengetahui tentang kewujudan pedofilia ini di Malaysia.

*“Ohh, berbalik pasal isu pedofilia dekat Malaysia ni saya tau la dia macam baru nak mula kot tapi belum menular sangat. Ibarat macam ia wujud tapi belum terlalu menjadi ancaman dalam masyarakat kita lah.”*

(Responden 1)

Menurut dapatan oleh Mahani (2009), pengetahuan ibu bapa membolehkan wujudnya sokongan dan penglibatan awal terhadap kanak-kanak bermula dari rumah. Malah kajian Yan dan Lin (2005) menyatakan bahawa ibu bapa yang mempunyai pengetahuan yang cukup berkenaan sesuatu aspek yang berkait rapat dengan anak-anak akan membuatkan ibu bapa berkenaan mendampingi anak-anak mereka dan berusaha dalam membantu anak-anak untuk mencapai kesempurnaan dalam proses pembesaran mereka. Justeru, Yan dan Lin (2005) juga berpendapat melalui pengetahuan yang diaplikasikan oleh ibu bapa terhadap anak-anak mereka akan memastikan perkembangan diri anak-anak tidak terjejas.

Setelah sesi temu bual dijalankan oleh pengkaji, maka pengkaji mendapati bahawa terdapat sebab dan pendapat yang berbeza mengenai pengetahuan ibu bapa berkenaan kewujudan kes pedofilia di Malaysia. Berdasarkan pengetahuan responden mengenai kewujudan kes pedofilia ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa aspek pengetahuan tentang kewujudan pedofilia di Malaysia dalam kalangan ibu bapa adalah seimbang kerana terdapat masih terdapat sebilangan responden yang mempunyai pengetahuan berkenaan isu ini dan terdapat juga sebilangan yang tidak pernah mengetahui tentang kewujudan isu ini di Malaysia.

#### *Umur Sasaran Bagi Mangsa Pedofilia*

Melalui temu bual yang telah dijalankan bersama tujuh orang responden, majoriti daripada mereka tidak mengetahui dengan jelas berkenaan umur sasaran bagi mangsa pedofilia namun sebahagian daripada responden iaitu seramai enam orang responden mengakui mereka sekadar mengetahui bahawa mangsa pedofilia terdiri daripada kanak-kanak yang berada di sekolah rendah.

Hal ini disokong berdasarkan apa yang dinyatakan oleh responden 1,3,4,5,6 dan 7 kerana mereka mengakui bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan mengenai umur sasaran bagi mangsa pedofilia tetapi mengikut kefahaman mereka, kanak-kanak di peringkat sekolah rendah dijangka berpotensi tinggi menjadi mangsa kerana perwatakan mereka yang lebih naif seperti yang dinyatakan oleh responden 5 dan 6. Hal ini sejajar dengan hasil kajian Aminuddin Ruskam dan Siti Nur Huda (2012), jelas menunjukkan kejadian jenayah terhadap kanak-kanak bagi kes penganiayaan adalah tinggi disebabkan perasaan takut oleh kanak-kanak dan sikap naif mereka yang tidak menyedari makna sebenar disebalik perlakuan terhadap mereka.

*“Oh, kalau yang tu saya tak pasti lah. Sebab yang saya baca setakat ni semua kanak-kanak. Saya belum terbaca lagi kes yang bebudak lebih dari umur 10 tahun. Setakat ni lah. Mungkin saya la kot yang tak pernah jumpa atau baca lagi. Jadi mungkin target pemangsa ni untuk kanak-kanak bawah sepuluh tahun la kot atau senang cakap kanak-kanak yang masih di sekolah rendah lah.”*

(Responden 1)

*“Ok, umur yang biasa kita lihat adalah kes-kes di bawah umur 12 tahun iaitu senang cakap kanak-kanak di sekolah rendah. Tapi kebiasaannya banyak yang saya lihat kes-kes dilaporkan adalah kanak-kanak dibawah umur 7 atau 8 tahun. Mereka antara yang sering kita dengar.”*

(Responden 3)

*“Setahu saya yang masih belum baligh lah. Tak kisah lah umur mereka baby ke, sekolah rendah ke atau sekolah tadika. Asalkan mereka masih belum baligh. Ha, kalau begitu memang saya rasa budak-budak sekolah rendah ke bawah lah.”*

(Responden 4)

*“Saya set dekat kepala bahawa kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah tu memang berisiko tinggi jadi mangsa. Sebab mereka masih naif dan berada di sekolah rendah, tak banyak yang mereka tahu sebenarnya. Jadi mudah untuk mereka terdedah menjadi mangsa kan.”*

(Responden 5)

*“Budak-budak sekolah rendah lah kot. Biasanya kalau cakap pasal jadi mangsa ni mesti budak dalam lingkungan umur yang masih bersekolah. Sebab saya rasa mereka paling naif dan mudah ditipu.”*

(Responden 6)

Melalui temu bual yang telah dilakukan juga, responden 7 sememangnya tidak mempunyai maklumat yang banyak berkenaan pedofilia kerana beliau menyatakan isu itu jarang disiarkan dengan kerap melalui iklan-iklan mahupun berita di televisyen. Oleh hal yang demikian, responden tidak mempunyai banyak maklumat berkenaan pedofilia terutama umur sasaran bagi mangsa pedofilia.

*“Cuma masalahnya sekarang. Benda ni tak meluas saya rasa. Bukan dapat dengar selalu pasal benda ni dekat TV jadi pengetahuan saya sedikit terhad lah sebab saya mana baca suratkhabar ke atau pandai guna internet macam orang lain”*

*“Alamak. Yang itu memang saya tak tahu. Yang saya tahu adalah anak-anak saya cakap-cakap hari tu. Saya dengar. Kanak-kanak lah yang jadi mangsa. Tapi umur berapa saya tak tahu. Sekolah rendah la kot. 10 tahun ke bawah saya rasa.”*

(Responden 7)

Namun begitu, terdapat responden yang sememangnya mengetahui dengan jelas berkenaan umur sasaran bagi mangsa pedofilia. Responden 2, menyatakan bahawa beliau mengetahui sasaran umur sebenar bagi mangsa pedofilia iaitu dibawah usia 13 tahun melalui pembacaan yang beliau lakukan.

*“ya, saya tau. Kanak-kanak berumur 13 tahun ke bawah biasanya dilaporkan jadi mangsa lah dan dikelaskan kes tersebut dibawah pedofilia. Itu apa yang saya baca.”*

(Responden 2)

Justeru itu, pengkaji menyimpulkan berdasarkan temu bual yang telah dijalankan bersama responden, sememangnya diakui bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang banyak berkenaan pedofilia. Mereka mampu menganggarkan umur bagi mangsa pedofilia ini berdasarkan pendapat dan pengalaman mereka dalam mengikuti perkembangan kes seumpama ini yang pernah dilaporkan di kaca televisyen, akhbar mahupun internet. Majoriti daripada responden berpendapat bahawa kanak-kanak di peringkat sekolah rendah sememangnya merupakan individu yang berpotensi tinggi menjadi mangsa berbanding dewasa disebabkan faktor kenaifan mereka serta kurangnya pengetahuan diperingkat umur seperti mereka, justeru itu mereka lebih mudah untuk akur dan diperdaya berbanding individu dewasa

## 5. Rumusan Dan Cadangan

Justeru itu, pengkaji menyimpulkan berdasarkan temuan bual yang telah dijalankan bersama responden, sememangnya diakui bahawa responden tidak mempunyai pengetahuan yang banyak berkenaan pedofilia. Mereka mampu menganggarkan umur bagi mangsa pedofilia ini berdasarkan pendapat dan pengalaman mereka dalam mengikuti perkembangan kes seumpama ini yang pernah dilaporkan di kaca televisyen, akhbar mahupun internet. Majoriti daripada responden berpendapat bahawa kanak-kanak di peringkat sekolah rendah sememangnya merupakan individu yang berpotensi tinggi menjadi mangsa berbanding dewasa disebabkan faktor kenaifan mereka serta kurangnya pengetahuan diperingkat umur seperti mereka, justeru itu mereka lebih mudah untuk akur dan diperdaya berbanding individu dewasa. Oleh hal yang demikian, kerajaan seharusnya mempertimbangkan usaha untuk memperluaskan lagi kempen kesedaran berkenaan pedofilia dalam kalangan ibu bapa dengan menggunakan segenap medium yang ada seperti televisyen, akhbar mahupun internet.

## 6. Penghargaan

Kajian ini telah dijalankan dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Pekan Dengkil.

## Rujukan

- Alan J. Robinson. t.th. *Training Parents to Protect Their Children from Abduction, Kidnapping, or Sexual Molestation. Journal of Healthcare Protection Management. American Psychiatric Association (APA). (2000). Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders. 4th ed, text revision. Washington, DC: American Psychiatric Association.*
- Aminuddin Ruskam Al-Dawamy & Siti Nur Huda Binti Sulaiman. (2012). *Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Kanak-kanak.* Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Creswell, J W. (2010). *Educational Research – Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research (4<sup>th</sup>ed.).* New Jersey: Pearson Merril Prentice Hall.
- Febrian Firza. (2011). *Hubungan Antara Pengetahuan Remaja tentang Pendidikan Seks dan Perkaitan Perilaku Seksual Pranikah Pada Remaja.* Fakultas Psikologi Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau.
- Feelgood. S & Hoyer. J . (2008). *Child Molester or Paedophile? Sociolegal Versus Psychopathological Classification Of Sexual Offenders Against Children.* Journal of Sexual Aggression : Routledge Taylor & French Group.
- Hurlock, E.(2002). *Psikologi Perkembangan Suatu Pendekatan Sepanjang Rentang Kehidupan.* Edisi kelima, Jakarta: Erlangga.
- McCartan K.F. (t.th). *Current Understandings of Paedophilia and the Resulting Crisis in Modern Society.*
- Michael C. S. (2012). Arch Sex Behaviour “Is Pedophilia a Sexual Orientation?”
- Mohd Amar Bin Md Arif & Aziani Binti Yusof. (2012). *Penglibatan Ibu Bapa Dalam*

- 
- Pembelajaran Anak-anak : Kajian Perbandingan Korea dan Malaysia.* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- New York, Harper & Row.(1965). *Kafka :Hypersexual Disorder (Sex Behaviour).* A Proposed Diagnosis for DSM-V.
- AR Beech et al. (2016). *Paraphilic Disorders in the DSM-V.* Revision of Clinical Psychology 12:383-406.
- Prof. Madya Dr. Siti Rahayah Ariffin. 2010. *Metodologi Kajian : Kaedah Persampelan.* Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- RB Krueger et al. (2012). *Paraphilic Disorder DSM-V.* Psychiatry Relate Science 49 (4): 248 254.
- Rizalina Mat Radzi. (2014). *Peranan Guru dan Ibu Bapa Merangsang Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak Melalui Aktiviti Bermain.* Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rozmi bin Ismail. (2015). *Metodologi Penyelidikan (Teori dan Praktis).* Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shafinaz Sheikh Maznan. (2007). *Pedofilia: awasi anak-anak anda.* Utusan Malaysia: Ruangan Kesihatan, 23 September.
- Indra, N. (2009). *UNICEF melancarkan kempen "Penjagaan & Perlindungan" untuk kanak-kanak.* The United Nations Children's Fund (UNICEF), Malaysia.
- Vikki, B. (2007). *"The Vigilant Parent and The Paedophile: The News of the World Campaign 2000 and the Different from Child Sexual Abuse".* Reader in Sociology & Head of Unit for Global Justice, Goldsmiths, University of London.